

TARIKH	12 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	51	RUANGAN	Nilaga

Kad-i Al-Musafir memudahkan jemaah haji

FAHAMI AHMAD

KUALA LUMPUR - Bakal jemaah haji berpeluang melakukan transaksi pengeluaran wang dengan lebih mudah dan memiitamatkan semasa berada di tanah ci Mekah dan Madinah melalui penggunaan Kad-i Al-Musafir yang diperkenalkan oleh Al Rajhi Bank.

Pemangku Pengarah Perbankan Runcit Al Rajhi Bank, Zuhisham Zailan berkata, pengguna akan dikenakan caj yang lebih rendah semasa transaksi pengeluaran dilakukan di mesin teler automatik (ATM) apabila menggunakan kad berkenaan berbanding perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan lain.

"Kad-i Al-Musafir berfungsi sebagai kad debit dan ia boleh didapati di semua cawangan Al Rajhi di negara ini yang mana setiap kad akan ditawarkan pada tiga pilihan dominasi iaitu 550

Saudi Riyal (RM453), 1,050 Saudi Riyal (RM865) dan 3,050 Saudi Riyal (RM2,513).

"Sehubungan itu, para pengguna akan menikmati penjimatan yang lebih kerana nilai wang di dalam kad berkenaan berdasarkan kepada pasaran mata wang terkini di Malaysia.

"Selain itu, jemaah juga boleh mengerjakan ibadah haji atau umrah dengan lebih tenang tanpa memikirkan soal keselamatan wang masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis rumah terbuka dan penyampaian hadiah berupa pakej haji dan umrah kepada pendeposit bertuah akaun simpanan, i Zamzam di sini semalam.

Zuhisham menjelaskan, pengguna boleh melakukan transaksi dengan mudah di 3,100 buah

ATM yang terdapat di seluruh Arab Saudi dengan 88 buah di Mekah dan 123 buah di Madinah.

Ujarnya, individu yang berusia 16 tahun layak untuk memohon kad berkenaan kerana ia ditawarkan kepada umum dan bukan hanya terhad kepada pemegang akaun bank berkenaan sahaja.

Menurut Zuhisham, pengguna juga boleh melakukan tambah nilai dengan mudah dan boleh mendapatkan kembali baki wang yang ada selepas kad berkenaan tamat tempoh.

Tambah Zuhisham, bank menyasarkan seramai 5,000 pengguna baharu kad berkenaan pada musim haji tahun ini.

Selain itu, beliau menerangkan, pihaknya juga sedang melakukan beberapa kerjasama strategik dengan Lembaga Ta-

bung Haji dan agensi pelancongan yang ada bagi memudahkan jemaah mengerjakan ibadah dengan menggunakan kad yang ditawarkan.



ZULHISHAM beramah mesra dengan pendeposit bertuah akaun Simpanan i Zamzam yang memenangi pakej haji dan umrah di Kuala Lumpur semalam.